

TEORI SEMIOTIK: TANDA BAHASA DAN WACANA SASTERA

Mana Sikana

Abstrak

Semiotik dianggap sebagai teori yang penting dalam wacana bahasa dan sastera. Sejarahanya bermula daripada pemikiran Ferdinand de Saussure dan kemudiannya dikembangkan oleh Charles Sanders Peirce dalam memahami bahasa dan teks-teks sastera. Dasar utama semiotik ialah aspek *signification*, *signifier* dan *signified*. Interpretasi dan kognisi semiotik dalam zaman moden mengarah kepada pencarian suatu makna. Pencarian satu makna ini telah berubah pada zaman pascamoden dengan menyatakan bahawa tanda mempunyai polimakna atau bersifat plural dan tidak tetap. Dalam dunia penuh dengan tanda-tanda terkini, semiotik sebagai kaedah pemaknaan sangat fungsional dalam wacana pembahasaan dan kesusasteraan.

Abstract

Semiotics is considered as an important theory in the discourse of language and literature. The history started from the Ferdinand de Saussure's thinking and later the idea was further developed by Charles Sanders Peirce in understanding language and literature texts. The fundamentals of semiotic comprise the following aspects - signified. The interpretation and cognition of semiotics in the modern era tend to direct towards a search for a certain meaning or definition. The quest for the meaning has brought changes during the postmodern era by stating that a particular sign has multiple meaning or plural in nature and inconsistent. In the world full with the contemporary signs, semiotics as a method of interpreting meaning is very functional in the discourse of language and literature.

PENDAHULUAN

Dunia kita hari ini telah memasuki era pascamoden. Inilah kata-kata yang sering dibincang dan diucapkan. Sebuah dunia yang pada mulanya hanyalah sebagai suatu pencarian lain daripada modenisme, tetapi kini pascamodenisme sudah muncul sebagai cara berfikir dan cara hidup. Diberikan banyak sebab kemunculannya, tetapi yang paling utama dan dasar ialah bahasa. Dunia pascamoden adalah konsekuensi dan obsesi abad ini akan bahasa yang memiliki sejumlah tanda (Appignanesi, Richard dan Garratt, Chris, 1999:56).

Tanda-tanda itu wujud dalam setiap aspek kehidupan manusia, dan untuk memahaminya haruslah difahami tanda itu melalui analisis bahasanya. Sebelum itu linguistik dalam menyingkap makna menyusur sejarah asal usul kata, juga tradisi bahasanya, tetapi kini makna dilihat sebagai fungsi daripada sebuah sistem bahasa (apakah sikap ini tidak ada sebelum pascamoden? Dan apakah kita begitu sahaja menghapus makna lama?). Dalam sistem bahasa itu(?) (tersimpan?) makna yang merujuk kepada penggunaannya. Lalu dirumuskan suatu pemaknaan tanda-tanda sistem bahasa itu, dan wujudlah sesuatu yang dinamakan semiotik yang akhirnya berdiri sebagai sebuah teori.

LATAR TEORI

Mengikuti semiotik, harus bermula daripada latar pembinaannya. Semiotik berhipogramkan pemikiran strukturalisme de Fredinand Saussure (1857–1913), teori yang mengkaji dalam bahasa ada susunan atau struktur dengan konsep utamanya *sign* dan *meaning* atau bentuk dan isi, atau *paradigmatic* dan *syntagmatic* yang kemudiannya dalam sastera melahirkan *signifier - signified* atau petanda dan penanda. Kajian utama de Saussure ialah linguistik struktural dan teori tanda, yang diresapi oleh pemikiran Meillet, Humboldt dan Whitney. Pemikirannya selari dengan Jacobson, Levi-Strauss, Peirce, dan Barthes. Dua orang pelajarnya, setelah kematiannya mengumpulkan siri kuliahnya lalu menerbitkan *Course in General Linguistics* yang pertama kali terbit pada yang menjadi dasar pemikiran dan teks pegangan yang menjadi sumber utama semiotik.

Bagi de Saussure: Bahasa adalah suatu sistem tanda yang berfungsi melalui sebuah koda operasional oposisi binari. Oposisi binari itu menghasilkan tingkatan kompleksiti yang lebih tinggi, yang menggunakan imejan atau simbol dalam bahasa. Jika ia diturunkan ke dalam teks-teks sastera akan menghasilkan karya-karya yang bererti dan kanon. Metafora, metonimi,

dan sinekdote adalah bidang kajiannya yang penting.

Pemikiran strukturalisme sebenarnya hasil kajian tentang teori Aristotle yang memperkenalkan konsep *wholeness*, *unity*, *complexity*, dan *coherence* yang dijelmakan semula dengan makna yang hampir sama. Strukturalisme mempunyai beberapa ciri umum. Pertama, bahan kajian dilihat sebagai satu keseluruhan yang membentuk satu sistem dengan komponen-komponen dalam sistem itu saling berkaitan dan ditentukan oleh struktur keseluruhan sistem itu. Kedua, setiap sistem mempunyai struktur dan ia mencari hukum-hukum struktur. Ketiga, fikiran manusia bergerak dalam bentuk oposisi binari, iaitu setiap perkara ada lawannya, misalnya malam/siang, kecil/besar, dan sebagainya (Holderoft, D., 1991:81–89). Teori Semiotik memodifikasikan pemikiran itu terutamanya hubungan antara satu struktur dengan struktur yang lain, iaitu hubungan antara penanda dengan petanda, perkataan dengan makna, dan sebagainya. Semiotik adalah hasil penyesuaian dan penerapan konsep bahasa Ferdinand de Saussure.

Strukturalisme tidak akan terlepas daripada pekerjaan golongan formalisme yang meletakkan nilai estetik kepada susunan dalam teks semata-mata, seperti kata Jakobson salah seorang pengemukanya, *poetic function text* terletak pada koda metrum, rima, paralelisme, pertentangan, kiasan, majas, dan sebagainya yang membentuk realiti teks secara autonom dan melahirkan estetika hasil daripada susunan formalisme teks. Formalisme dengan strukturalisme saling dominasi mendominasi antara keduanya daripada pemikiran yang sama (Holenstein, Elmar, 1994:254–258). Yang penting ialah pemikiran de Saussure tentang adanya struktur luaran dan dalaman dan mementingkan bacaan permukaan tanpa adanya hubungan dengan yang dalam serta makna adalah hasil daripada pertandaan. Makna itu adalah hasil hubungan, relasi, dan regulasi diri dan ia bersifat *ahistorical*, iaitu tanpa bergantung pada asal usul, orang yang mengusulkan dan latarnya sesuai dengan pemikiran pembinasan terhadap fungsi sejarah dan motivasinya. Pemikiran serta tamadun manusia berkembang secara struktur dan untuk memahami manusia harus memahami strukturnya melalui sistem pertandaan.

DEFINISI DAN KONSEP

Perkataan semiotik sebenarnya berasal daripada perkataan Greek, iaitu daripada akar kata *semeion*, iaitu tanda atau *sign* yang membawa maksud sains umum yang mengkaji sistem perlambangan (de Saussure, 1983:24). Tanda atau lebih khusus para pengkaji menyatakannya sebagai satu sistem,

membicarakan subjek yang berhubungan dengan komunikasi dan ekspresi. Semiotik menyusur bahasa sebagai suatu sistem, antaranya sistem itu ialah yang berurusan dengan aspek teknik dan mekanisme pengucapan dan penciptaan di samping mengkhususkan penelitiannya dari sudut ekspresi dan komunikasi. Dalam kehidupan manusia, segala pertuturan, gerak laku dan perbuatan kaya dengan sistem-sistem perlambangan; sama ada bersifat sahah atau kabur, yakni lambang-lambang yang sukar difahami. Lambang-lambang seperti ini hanya mampu dikaji dan diselongkari oleh satu disiplin yang mantap.

Semiotik mengkaji segala sistem perlambangan yang diciptakan manusia pada sepanjang kehidupannya. Menurut de Saussure, teori ini diciptakan sebagai memahami tanda-tanda dan lambang dalam budaya manusia itu. Julia Kristeva pula menegaskan bahawa semiotik itu mempunyai kaedah analisis yang cukup ideal dan mempunyai cara yang cukup khusus lagi berfungsi bagi menyelesaikan sebarang konsep pertandaan (Kristeva, 1980: 3). Ini menandakan bahawa semiotik merupakan ilmu yang sangat luas sifatnya dan digunakan untuk sebarang bidang kajian.

DASAR PEMIKIRAN SEMIOTIK

Istilah semiotik pertama kalinya digunakan oleh Charles Sander Peirce pada abad ke-19 untuk merujuk doktrin formal tanda-tanda (Kris Budiman, 1999: VII). Namun sejak zaman Greek lagi, Plato dan Aristotle telah menggunakannya dengan maksud mengkaji sistem perlambangan dan membina kaedah tanda makna. Budaya Stoik yang mengembangkannya dalam abad ketiga dan kedua Sebelum Masihi. Penguasaan mereka terhadap ilmu tanda – *semēion*, penanda – *semainon*, dan petanda – *semainomenon* sangat maju dan menjadi lambang tamadun bangsa zaman itu. Oleh sebab kajian tanda kemudiannya menjurus kepada keadaan yang begitu rencam dan sukar, akhirnya ia tersingkir dan sejak itu semiotik tidur dalam sejarah. Apabila teks-teks romantisme pada abad ke-17 menggunakan tanda-tanda mengelakkan daripada dikesan mesej penentangannya terhadap feudalisme, semiotik hidup semula dalam usaha memahami makna-makna yang tersirat. John Locke, filosof Inggeris yang mengembangkannya pada abad itu menyebut semiotik sebagai doktrin perlambangan. Walau bagaimanapun, hanya pada abad ke-19, semiotik mendapat tapak yang kukuh dan menjadi disiplin serta teori di tangan de Saussure dan Peirce (Hervey, S. 1982:9).

Saussure menggunakan istilah semiologi untuk ilmu tentang tanda. A *science that studies the life of signs within society is conceivable; it would*

be a part of social psychology and consequently of general psychology; I shall call it semiology. Semiology would show that constitutes signs, what laws govern them (Saussure, 1983:16). Teori semiologi ini menganggap kajian terhadap bahasa harus berbentuk saintifik, bukannya seperti yang dilakukan sebelumnya, hanya sebagai andaian dan hipotesis belaka. Bermula daripada kajian bahasa atau komunikasi, melalui tanda-tanda bahasa, akhirnya diperoleh markas semiologi, Saussure cuba membuat garis kasar tentang penganalisan bahasa untuk masa hadapan dan juga mencuba meramalkan arahnya pada masa akan datang; yang akhirnya ia muncul menjadi sebuah teori yang mempunyai kaedah yang mantap dan kukuh. Kejayaan Saussure juga meletakkan asas yang kuat sehingga semiologi berdiri sendiri sebagai sebuah disiplin ilmu. Seperti yang difahami dalam falsafah tanda, wujud dalam pelbagai dimensi kehidupan dan dalam pelbagai disiplin seperti antropologi, sosiologi, psikologi, dan sebagainya. Autonomi ini tercapai dengan metode semiologinya mempunyai sudut pandangan eksklusif dan keunikannya. Semiologi menurut sudut pandangannya dan analisisnya tidak berkongsi dengan disiplin yang lain dan mampu mengkaji segala permasalahan kebahasaan dalam pelbagai sudut (Hervey, 1982:15).

Semiologi mengkaji tanda-tanda yang dipengaruhi dan merujuk kehidupan sosial. Mekanisme analisis de Saussure lebih bersifat emotif daripada bersifat teknikal yang wujud dalam kajian bahasa sebelumnya. Ia lebih cenderung kepada interpretasi secara langsung dalam istilah-istilah yang digunakan dan akan menghasilkan interpretasi dan dapatan yang berbeza mengikuti kognisi yang berbeza daripada penganalisisnya. Tegasnya, semiologi Saussure ialah proses memahami tanda-tanda secara sistematis dan intelektual untuk mendapatkan makna (Holdcroft, D. 1991: 211–214). Saussure juga meletakkan asas semiologi yang membincangkan dan mengkaji bahasa dalam konteks konvensi, norma sosial, perhubungan yang berkaitan dengan penghuraian sistematik, nilai-nilai sistem dalam koda, sintagmatik, dan sistem-sistem konstruksional bahasa. Saussure menggunakan tipologi teoretikal bagi membina kerangka teorinya (Nervey, 1982:2–36).

Charles Sander Peirce menggunakan istilah semiotik yang juga menganggapnya sebagai satu cabang epistemologi saintifik, justeru beliau meletakkan logisme dalam analisisnya. Semiotik didefinisikan oleh Peirce sebagai teori umum untuk tanda, meliputi satu bidang yang tua. Bidang lingkungan Peirce menjangkau pada simbol-simbol gambar dan angka. Akibatnya, teori umum tentang tanda-tanda seakan-akan mengambil kira semua lapangan yang mempunyai signifikasi sama ada satu cara atau cara lain yang digunakan untuk menginterpretasi sesuatu melalui bahasa yang digunakan.

Semiotik Peirce menekankan falsafah tanda, klasifikasi tanda, signifikasi, erti, dan fungsi tanda. Dalam teori semiotiknya, Peirce menguraikan aspek-aspek tersebut secara terperinci sambil menekankan aspek signifikasi. Sebuah tanda membawa makna, tetapi ia tertakluk kepada orang yang mentafsirkannya, makna boleh berubah-ubah dan inilah yang dimaksudkannya sebagai signifikasi tanda itu. Semiotik Peirce yang terkenal sebagai teori umum tanda menjadi pembuka jalan kepada suatu analisis dan proses pemahaman tanda.

PROSES PENGEMBANGAN SEMIOTIK

Tulisan de Saussure dan Peirce dalam abad ke-19 itu dibaca, dipelajari, dan dikembangkan pada abad ke-20 oleh golongan yang mengelompokkan diri mereka dalam strukturalisme sebagai reaksi terhadap teks-teks sastra yang memasuki daerah *avant-grade* dan meninggalkan aliran realisme (Wolfrey, Julian, 1999:15–17). Kritikan yang dominan di zaman realisme ialah formalistik yang disebut juga dengan struktur atau struktural; di Amerika dikenali sebagai *the new critics*, dan Perancis dikenali sebagai *nouveau critique* dan mempunyai kaitan yang berdarah daging dengan formalisme Rusia. Dengan memecah dan menggalkan teks mengikut aspek tema, plot, watak, bahasa, sudut pandangan, dan latar dalam fiksi dan tema, bentuk amanat, bahasa, nada, dan sikap pengarang dalam puisi, formalistik telah merobek karya dan tidak dapat melihat estetika sebenar teks; kajian demikian mengandungi *intentional fallacy* atau kepalsuan tujuan.

Di samping itu kegagalan manusia mengendalikan modenisme dengan mencipta alatan yang akhirnya menjahanamkan kemanusiaan dan kehidupan, lahirlah teks-teks surealisme sebelum Peang Dunia Pertama. Selepas perang, surealisme lebih mengukuhkan kedudukannya yang kemudian muncul pada teks-teks eksistensialisme yang mencuba mempertikaikan konsep kewujudan hidup manusia dan dunia semakin parah apabila berlaku lagi peperangan, iaitu Perang Dunia Kedua yang kemudiannya melahirkan teks-teks absurdisme. Teks-teks baru itu bersifat tidak realistik, kaya dengan penanda serta bersifat filosofikal dan menerapkan pemikiran Sigmund Freud yang masuk ke dalam sublimasi dan bawah sedar manusia dengan tokoh-tokohnya yang dilambung oleh id, ego, superego dan libidonya (Travers, Martin, 1998). Fenomena ini sebenarnya menuntut suatu pendekatan, kaedah atau teori yang mampu memaknakan teks-teks tersebut. Beberapa tokoh kemudiannya seperti Roland Barthes, Jonathan Culler,

Roman Jakobson, Tzvetan Todorov, A.J. Greimas, Charles Morris, Julia Kristeva, Umberto Eco, dan Gerard Genette telah membincangkan dan mengaplikasikan pemikiran Saussure dan Peirce tentang ilmu tanda dalam bahasa yang digunakan dalam karya-karya tersebut.

Barthes antara tokoh terpenting yang menggunakan teori semiotik menyatakan bahawa teori ini sesuai dan unggul untuk sebarang kajian bahasa, terutamanya sastera, juga aspek kebahasaan yang lain dalam keilmuan. Tegasnya, kajian bahasa dari sudut semiotik, amat luas dan menyentuh semua persoalan hidup kerana di dalamnya begitu kaya dengan lambang-lambang yang perlu pula diberikan erti setiap satunya. Meskipun kajian bahasa milik linguistik, tetapi semiotik adalah milik sastera dan ilmu yang lainnya. Justeru itu, semiotik akhirnya muncul sebagai teori unggul dan mantap dalam usaha memahami bahasa terutamanya aspek penandaannya (Barthes, 1967:80). Kajian semiotik adalah kajian wacana. Analisis wacana bahasa semiotik mampu menghuraikan segala fenomena kebahasaan, terutamanya yang berkaitan dengan tanda, penanda, dan petanda serta menjangkau segala-galanya yang berhubungan dengan perlambangan (Barthes, 1989:45).

Menurut Jonathan Culler, matlamat analisis semiotik bukan sekadar penghuraian, tetapi mengupas dan membongkar sistem-sistem yang terkandung dalam bahasa dan menentukan segala makna yang berhubungan (Culler, 1975:31). Dalam bahasa, tanda-tanda digunakan dengan pelbagai cara dan bertaburan di sana sini. Tanda-tanda itu pula merujuk kepada budaya, sosial, dan pendidikan penggunanya. Pendekatan semiotik mengkaji budaya yang terungkap dalam bahasa dan dengan itu masyarakat mampu memahami cara hidup yang dilalui oleh mereka. Malah dalam amalan hidup pun begitu banyak tanda yang diangkat oleh penulis atau pengarang. Maka untuk memahaminya, kita memerlukan huraian semiotik (Barley, 1983:398).

Nama Jurij M. Lotman dikaitkan dengan semiotik yang berkembang di Rusia. Pendekatan yang digunakan oleh Lotman yang bekerja rapat dengan sarjana-sarjana yang berhubung dengan Institut Kajian Slavonic di Moscow, telah menerbitkan *Work on Sign System*. Hasil kerja-kerja Lotman boleh dikatakan lanjutan daripada pendekatan formalisme Rusia. Bagi Lotman, bahasa dalam teks adalah eksploitasi yang melahirkan tanda-tanda. Tanda-tanda itu mempunyai hubungannya dengan apa-apa jua yang berada di luar teks, kerana yang luaran itulah sumber pembinaan tanda-tanda. Tegasnya, penanda dan petanda tidak hanya berada dalam teks. Kita harus melihat ke luar teks untuk memahami maknanya. Kerap kali ciri-ciri yang

berbeza dalam sesuatu teks dan tanda-tanda konstituennya hanya boleh dikenali dalam hubungan dengan teks-teks dan sistem-sistem tanda. Namun, salah satu kebaikan daripada pendekatan Lotman ialah kerana beliau memperkenalkan metode semiotik yang bersifat semanalisis, iaitu pendekatan terhadap bahasa sebagai suatu proses penandaan yang dikaitkannya dengan kontekstualnya (Fokkema, 1978:45). Semiotik semanalisis ini kemudiannya dipopularkan oleh Kristeva.

PRINSIP SEMIOTIK

Hasil perbincangan dan analisis semiotik, dapat dirumuskan prinsipnya. Pertama, cara yang paling baik untuk menganalisis sesebuah hasil karya ialah melalui pendekatan semiotik dengan berlandaskan adanya sistem dalam setiap buah karya yang ingin dikaji. Ada beberapa cara untuk memahami sistem tersebut seperti paradoks dan kontradiksi, penggunaan stail dan setiap stail ini pula terikat dengan kodnya yang tersendiri. Untuk melihat karya sastera dengan menggunakan pendekatan ini, ia perlu mempunyai satu sistem yang dijadikan sebagai prinsip utama. Penelitian amat penting dibuat, iaitu bagaimana proses penciptaan untuk melahirkan sistem karya itu.

Kedua, semiotik mencuba untuk menghubungkan sistem karya dengan sistem yang berada di luar karya. Sistem di luar karya ini ialah segala perkara yang membawa lahirnya sesebuah karya itu. Ini termasuklah sistem hidup atau lebih tepat lagi, kebudayaan seluruh masyarakat yang menjadi sumber inspirasi pengkaryaan tersebut. Dengan ini semiotik melihat karya itu daripada perspektif yang lebih luas dan menyeluruh. Pendekatan ini amat mementingkan kefahaman pembaca setelah membaca karya.

Semiotik beranggapan bahawa apa-apa yang diutarakan oleh pengarang dalam karyanya mempunyai hubungan dengan sistem yang berada dalam kehidupan masyarakat itu. Misalnya, sistem bahasa di luar karya itu akan mempengaruhi sistem bahasa kepengarangan yang digunakan oleh seseorang pengarang dalam karyanya. Di samping itu, pelbagai watak di luar karya boleh juga diterapkan dalam sesebuah karya. Oleh itu pengkritik akan memberikan tafsiran terhadap karya secara komprehensif dengan membuat perbandingan dengan sistem-sistem yang berada di luar karya iaitu dengan cara menghubungkannya dengan kebudayaan manusia.

Prinsip ketiga dalam pendekatan semiotik ini ialah menganggap apa-apa sahaja yang dituliskan oleh pengarang boleh memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan sesebuah karya. Pencerakinan terhadap sesuatu karya itu perlu dilakukan dengan berhati-hati dan penuh perhatian

kerana unsur-unsur inilah yang akan membina karya itu. Pendekatan ini seolah-olah menghargai pengarang kerana setiap kata-kata yang digunakan oleh pengarang dalam karya mereka mempunyai pengertian. Kelahiran semiotik jelas sebagai suatu cara untuk menganalisis karya-karya yang mempunyai kaitan dengan sistem karya-karya yang dihasilkan. Semiotik bertolak daripada sesebuah karya, kemudian barulah dibuat penilaian. Seseorang pengkritik haruslah membebaskan dirinya terlebih dahulu daripada sebarang pendekatan yang lain.

Prinsip keempat pendekatan ini ialah melihat setiap genre sastera mempunyai nilainya yang tersendiri. Namun pendekatan pada genre ini berbeza-beza. Pendekatan semiotik akan memperlihatkan sudut atau aspek yang tertentu dalam sesuatu genre, dibandingkan dengan genre lain. Setiap genre itu mempunyai kekuatan pada aspek-aspek tertentu dan menganggap setiap genre itu mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Semiotik akan menganalisis unsur-unsur istimewa yang terdapat dalam karya itu; pendeknya semiotik menghukum bahawa setiap buah karya haruslah dilihat dalam konteksnya dan bukannya dibandingkan dengan karya-karya lain.

KAEDAH ANALISIS SEMIOTIK

Seperti yang ditegaskan, semiotik mementingkan tanda, penanda, dan petanda. Saussure menyatakan dalam sistem bahasa, sesuatu penanda seperti kata atau bunyi “lembu” membawa makna atau konsep yang dinamakannya petanda. Jelasnya penanda membawa petanda. Dan penanda serta petanda itu pula bersama-sama akan membentuk suatu lambang atau simbol. Lambang atau simbol inilah yang digunakan dalam bahasa. Maka lambang atau simbol inilah yang harus diproses untuk mencapai erti atau signifikasinya (Appignanesi, Richard dan Garratt, Chris, 1995:58–59).

Konsep lambang begitu dominan dibincangkan oleh semiotik. Bagi Saussure lagi, lambang-lambang ini terjadi dan wujud apabila konsep dan mesej bunyinya disatukan. Lambang ialah ikatan psikologi yang wujud daripada penggunanya.

Semiotik Peirce, iaitu lambang diklasifikasikan kepada tiga jenis, iaitu ikon, indeks, dan simbol. Ikon ialah tanda yang merujuk terus kepada objek yang digambarkan atau yang dibawa oleh objek dengan subjek. Ikon berasal daripada bahasa Latin *icon* yang bermakna bayang, bayangan, mirip, kemiripan, keserupaan, replika, analogi, dan sebagainya. Misalnya apabila kita membaca *Lantai T. Pinkei* karya A. Samad Said, watak T. Pinkei yang

hidup sebagai penari dan berkelana dengan masalah cinta dan maruah, ialah ikon kepada watak Salina dalam novel *Salina* oleh penulis yang sama. Dengan menghubungkan atau mendapatkan tanda ikon kepada sesuatu objek, kita akan cepat faham mengenai sesuatu subjek.

Indeks ialah tanda yang merujuk kepada sesuatu tanda yang mengumpulkan satu atau beberapa fenomena, sebab-musabab, simptom, isyarat, ikatan, dan sebagainya. Tanda yang menunjukkan ia digunakan disebabkan wujudnya peristiwa atau kaitan dengan yang lain. Apabila kita melihat awan yang bergulung, tebal dan memberat, itu ialah tanda hari akan hujan. Apabila kita membaca *SHIT* karya Shanon Ahmad, karya itu ialah sebagai gejala politik yang diindekskannya daripada suasana ribut politik terkini.

Simbol ialah penjenisan lambang-lambang yang merujuk kepada objek asal dengan satu kawalan undang-undang yang khusus. Simbol merujuk kepada sebuah tanda yang dibawa oleh penanda dengan memberi petanda (erti, makna atau konsep) yang mewakili sesuatu.

Menurut Peirce, lambang ikonik adalah dinamik, utama, dan dekat dengan masyarakat. Hubungan antara *signifier* dan *signified* atau penanda dengan petanda saling berkaitan dan saling lengkap-melengkapi. Terdapat beberapa pecahan ikonik seperti imej, citra, diagram, simile, dan metafora. Oleh sebab kesannya kuat dalam bahasa, ikonik sering digunakan oleh pengarang dalam bahasa yang digunakan oleh mereka. Menjelaskan konsep indeks, Peirce menyatakan ia lebih luas dan kompleks daripada ikon, ia tanda-tanda yang berhubung, berkait, bersebab, dan berakibat. Dapat dicontohkan seperti penggunaan aforisme, alegori, personifikasi, hiperbola, dan imageri sebagai tanda indeks. Sementara simbol pula, skopnya lebih umum dan terlalu luas, bersifat klasik dan moden. Penulis akan mencipta pelbagai tanda secara arbitrari yang melahirkan corak binari atau sendiri-sendiri (1983:123–128).

Dalam menjabarkan kaedah analisis Peirce itu, kita harus bermula dengan pembacaan. Bacaan itu akan lebih terjurus apabila kita sedar bahawa teks yang dibaca itu memang kaya dengan tanda. Proses pertama yang harus dilakukan ialah mengumpulkan sejumlah kata, ungkapan, konsep, alegori, dan sebagainya yang boleh dianggap sebagai tanda. Ada beberapa cara mengenal tanda, seperti sering diulang oleh pengarang, menjadi teras teks, terasa mengandung makna yang berbeza, berlapis, bersifat polivalensik, dan sebagainya. Kedua, tanda yang sudah dikumpulkan itu diklasifikasikan atau dikategorikan menurut jenisnya: Ikon, indeks atau simbol. Dalam melakukan klasifikasi ini, sering terjadi kesamaran dan tidak jelas perbezaannya. Oleh itu, kita harus melakukan pilihan yang lebih sesuai. Setiap kelompok tanda

itu, ada yang berdiri sendiri, ada yang berkaitan dan tugas kita melakukan pencerakinannya. Kita juga perlu menggugurkan mana-mana yang sama atau jika terlalu banyak, haruslah disaring untuk hanya menjadi beberapa tanda yang penting. Ketiga, yang paling penting sekali setelah berhasil mengenal pasti tanda ialah mengelompokkan segala penanda dan akhirnya untuk memproses petandanya. Dikatakan memproses, justeru aspek pertandaan adalah sebuah proses yang berkaitan dengan kognisi, iaitu kerja akal dalam menanggapi makna atau signifikasinya. Ini bergantung pada pengalaman, pendidikan, intelektual, dan kemahiran berfikir seseorang pengkaji. Tidak hairanlah jika sebuah penanda membawa banyak petanda mengikuti kemampuan seseorang. Akan tetapi, lazimnya mereka yang biasa dengan teori ini akan dapat menanggapi petandanya dengan baik. Semiotik pula sebenarnya membenarkan polimakna atau polisignifikasi.

Terdapat perbezaan teknik tafsiran antara kedua-dua tokoh dalam hubungan tanda dengan petanda. Saussure menyatakan hubungan *dyadic* sahaja, manakala Peirce mengatakan hubungan *tryadic*. Hubungan *dyadic* Saussure hanyalah tanda dan petanda, sedangkan *tryadic* Peirce pula ialah tanda, penanda, dan petanda. Kedua-dua teknik ini walau bagaimanapun sama dalam pencarian makna atau signifikasi tetap mengalami proses kognisi. Untuk membantu penguasaan kaedah semiotik, kita dianjurkan supaya mengetahui dan menggunakan istilah-istilah khusus yang digunakan oleh teori semiotik. Kris Budiman telah menyusun Kosa Semiotika (1999) berjumlah kurang lebih 150 entri semiotik. Setiap satunya diterangkan makna, fungsi, dan penerapannya.

Kaedah Peirce sangat berkuasa dan mempunyai hegemoniknya dalam kajian semiotik, baik di Barat mahupun di Timur. Di Malaysia, kaedah ini begitu dominan sekali terutamanya di yayasan pengajian tinggi dalam mengkaji bahasa dan teks-teks sastera. Umar Junus merupakan tokoh yang memperkenalkannya dan tulisan serta pemikirannya dipakai dan dirujuk. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan bahawa kaedah Peirce terlalu tradisional dan klasik. Barthes sewaktu mula menerapkannya menganggapnya sebagai sesuatu yang unggul, tetapi apabila pascamoden mula masuk ke dunia teks, ia mula menjabarkannya dengan cara yang lebih canggih dan mekanisme yang berbeza.

Charles Morris juga adalah antara nama yang membaca teori semiotik dan membawa teknik yang berbeza. Morris mengemukakan tiga jenis tanda, iaitu tanda sintaksis, tanda semantik, dan tanda pragmatik. Tanda sintaksis ialah tanda yang mempunyai kaitan dan hubungan dengan objek yang lainnya, maka untuk memahami maknanya kita harus mencari jawapan

kepada objek tersebut. Tanda semantik ialah tanda yang dihubungkan dengan apa-apa yang ditandai; tegasnya tanda melahirkan tanda lain lalu dicari makna atau signifikasinya. Sementara tanda pragmatik pula ialah tanda yang ditelusuri akan pemakainya. Ketiga-tiga itu dalam proses permaknaannya atau kognisinya akan menjurus kepada situasi yang berbeza: tanda sintaksis menghasilkan implikasi, semantik kepada denotasi dan pragmatik kepada ekspresi (1972). Sebagai penerap teori semiotik Charles Morris, sewaktu pembacaan, kita boleh menentukan manakah jenis-jenis tanda yang digunakan. Mungkin menggunakan hanya satu tanda, dua tanda atau ketiga-tiganya sekali. Sebagai contoh, kita berhadapan dengan puisi surealisme Suhaimi Haji Muhammad. Puisinya banyak menggunakan tanda pragmatik, justeru itu ia menghasilkan suatu daya ekspresi yang unik dan berbeza daripada surealisme yang lainnya.

Seorang tokoh yang sangat berpengaruh dan pendekatannya hampir-hampir menenggelamkan kaedah Peirce ialah Umberto Eco. Teori semiotiknya cuba mengelak daripada terjebak dalam definisi-definisi yang dikemukakan oleh Saussure dan Peirce dengan mengemukakan pandangan "... Sesungguhnya apa-apa yang kita kenali sebagai lambang itu sebenarnya tiada. Lambang yang kita fahami selama ini adalah *substance-effect* akibat daripada pertembungan dua sistem perbezaan yang berlainan." (Umberto Eco, 1984:134). Eco menamakan penemuannya itu sebagai fungsi lambang atau *sign-function*. Kemunculan fungsi lambang ini dapat diterangkan melalui pembinaan koda-koda. Eco melihat lambang sebagai unit yang tersendiri dan hampir autonomikal sifatnya. Lantaran inilah juga mengapa sering kedapatan sesetengah lambang yang serupa akan tetapi membawa erti yang jauh berbeza. Sebagai unit kebudayaan, makna-makna itu boleh ditafsirkan secara semiotik, iaitu sebagai sebuah unit semantik yang telah disisipkan ke dalam sebuah sistem oleh sekumpulan atau seseorang. Selanjutnya Eco berhujah dengan mengatakan bahawa sesebuah unit budaya selalu terdapat dalam sistem budaya-budaya lain – pengaruh-mempengaruhi – yakni hubungan timbal balik yang akan melahirkan nilai-nilai kehidupan secara umum. Dengan itu lahirlah pula tanda yang berbeza dan penanda serta petanda yang berbeza.

Pada mulanya Eco pun mempelajari semiotik Peirce: *He uses many of Peirce's theory to construct his semiotic.... Eco's theory gives a compelling account of how meaning is possible, can be produced and reproduced, as well as created and destroyed* (Cashmore, Ellis dan Rojek, Chris, 1999: 32). Ringkasnya, semiotik cadangan Eco ini dapatlah dianggap sebagai kesatuan pendekatan yang diharapkan mampu mengatasi persoalan sebarang

jenis tanda. Eco mencuba menyelesaikan permasalahan yang rumit tentang kehidupan manusia sehari-hari dalam menghadapi tanda dalam sebarang kegiatan yang melibatkan bahasa. Eco amat mengharapkan agar semiotik ini dapat menyediakan sebuah konsep yang lebih mudah disebarkan untuk menganalisis berbagai-bagai proses pemaknaan dan bersedia pula untuk menghadapi pelbagai kontradiksi dan pengubahsuaian semasa kajian ini berjalan tanpa menyisihkan disiplin-disiplin yang sedia ada dalam sesebuah hasil karya itu.

Eco juga menemui dan mengembangkan beberapa koda tanda yang diperturunkan di bawah ini:

1. *icon* : *a sign which has the equality of the object it denotes.*
2. *index* : *a sign which denotes an object by being affected by that object.*
3. *symbol* : *a conventional sign.*
4. *qualisign* : *a quality which is a sign*
5. *rheme* : *a sign of qualitative possibility ... it represents a possible object.*
6. *dicent sign* : *a sign of the actual existence of an object.*
7. *legisign* : *a law which is a sign. Every conventional sign is a legisign.*
8. *sinsign* : *'sin' = "only once" : an event which is a sign.*
9. *argument* : *a sign of a law.*

Dalam pandangan yang lain, Eco menjelaskan segala tanda itu boleh diklasifikasikan kepada yang senang dan susah: Fizikal dan metafizikal. Ada antaranya yang membawa mesej sosial dan sejarah, ada juga yang membawa imej, idea, dan falsafah. Eco juga menghuraikan kepelbagaian atau keragaman tanda-tanda, seperti *physical*, *recognition*, *ostension*, *replica*, dan *invention*. Kajian-kajian Eco banyak tertumpu kepada metafora, justeru di situlah banyak terkumpulnya tanda-tanda. Membaca adalah suatu aktiviti pencarian makna metafora. Eco memasukkan perbincangan alegori ke dalam simbol. Simbol adalah transformasi pengalaman ke dalam idea pengarang dan melahirkan melalui ciptaan imej: justeru itu, idea diekspresikan melalui imejan dan ia sentiasa hidup, yakni berkembang dalam pemaknaan khalayak. Alegori pula melalui konsep-konsep yang daripada segala konsep itu melahirkan imej-imej dan citra-citra: daripada situ tanda

diberi dan diberi makna. Dengan itu simbol satu alegori adalah *signifier*, yang pada dasarnya sudah memiliki *signified*, ia kembali kepada perkataan asalnya *syballein* yang membawa maksud untuk bertemu, cuba menggambarkan dan ingin menjelaskan, tetapi dengan cara yang sedikit abstrak (Bondanella, P. 1997:128–132).

Segala tanda di tangan Eco bererti sesuatu yang telah mengandungi maknanya, makna yang tetap, makna yang banyak, makna yang berubah dan makna imbasan – *shadow meaning*. Namun, pengkaji sering diingatkan jangan terlalu ghairah mencari tanda. Mungkin ia bukan tanda; dan sekiranya sukar mencari makna, besar kemungkinan ia bukan tanda. Untuk menjadi seorang pengaplikasi semiotik, Eco menganjurkan juga supaya seseorang itu menguasai bahasa, dan kaya akan bahasa. Hanya dengan cara itu dapat mencari tanda dan makna, katanya "... *theory of semiotics is to show that language is like the encyclopedia ...*" (Lechte, J. 1994:129–30).

KRITIKAN TEKS

Kajian semiotik boleh diaplikasikan kepada apa-apa sahaja bentuk bahasa yang menggunakan lambang. Dalam sebarang tulisan akademik, semi-akademik, dan popular, lambang-lambang tetap digunakan dalam memperkuatkan, memperindah, dan mempertajam makna. Sebuah ucapan, ceramah, khutbah, retorik, debat, dan sebagainya juga dapat diajukan dengan semiotik untuk mendapatkan makna-makna lambang yang dipakai. Walau bagaimanapun, semiotik sangat terhormat kedudukannya dalam menganalisis teks-teks sastra.

Dalam pandangan semiotik pun tidak dibezakan antara cerpenis, novelis, dramatis, dan penyajak dalam aspek penggunaan tanda-tanda. Masing-masing mempunyai kemampuan dan kekuatannya. Begitu juga sebuah karya yang tidak boleh disamakan atau dibezakan daripada karya lain. Semuanya mempunyai unsur-unsur dan ciri-ciri yang tersendiri. Yang penting bagi semiotik ialah menghukumkan bahawa setiap karya itu harus dilihat dalam konteks dirinya. Semiotik boleh berhadapan dengan apa jua dan berkebolehan untuk memberikan penilaian yang saksama dan adil. Sistem yang ada dalam karya tidak hanya setakat memahami dan menilai aspek dalaman karya itu sahaja tetapi yang lebih penting ialah ia dihubungkan dengan sistem luaran, iaitu yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat. Sehubungan dengan itu mudah untuk memahami karya-karya yang sukar dan abstrak.

Sekiranya semiotik digunakan dengan wajar, ia boleh menyumbangkan sesuatu ke arah kesedaran kita tentang kuasa bahasa. Bahasa mencabar

realiti dan kiranya digunakan oleh penulis yang berbakat, ia akan memberikan wawasan yang segar tentang dunia ini. Semiotik juga boleh digunakan untuk pelbagai bidang ilmu. Ia boleh digunakan sebagai mode pembacaan prosa dan dapat menyelesaikan masalah tafsiran dan proses makna dalam karya-karya. Semiotik juga boleh membawa pengertian yang berubah-ubah dari semasa ke semasa, mengikut kehendak dan keadaan masa. Selain itu, kelebihan pada kajian semiotik ialah apabila semiotik lebih berjaya mengukuhkan pengkajian kritikan kesusasteraan daripada disiplin-disiplin lain dan pendekatan yang terdahulu. Dipercayai bahawa semiotik akan dapat menghidupkan dan memperkaya bahasa dalam semua bidang cipta sastera terutamanya bidang pemuision (Wong Soak Koon, Disember 1987:9). Michael Riffaterre dalam *Semiotics of Poetry* (1978) telah membuktikan bahawa kajian semiotik terhadap puisi sangatlah sesuai, kerana ia dapat menghuraikan segala unsur-unsur eksploitasi puitis. Kajian Kristeva terhadap puisi-puisi *avant-garde* dan simbolisme Perancis dalam tesis kedoktorannya, berjaya mentafsirkan dan memaknakan tanda-tanda, merupakan bukti kejayaan semiotik (Payne Michael, 1993).

Simbol atau lambang sering digunakan oleh golongan semiotis untuk memahami teks. Sesuatu simbol tidak mudah untuk dicari maknanya, justeru itu berhubungan dengan makna konvensi dan yang abstrak. Bagi menghuraikan simbol secara tepat memerlukan penelitian dan keluasan berfikir kerana simbol berdampingan dengan tanda-tanda lain yang sangat hampir dengannya. Bagi Peirce, sesebuah simbol ialah lambang semiotik yang merujuk kepada objek apabila melihat kepada lambang tersebut secara mudah. Simbol itu pula telah diterima pakai oleh pemikiran manusia sama ada secara kelompok tertentu ataupun dalam masyarakat yang universal. Oleh itu, terdapat peraturan yang sudah termaktub dalam idea dan pemahaman masing-masing bahawa penampilan sesuatu simbol itu dapat difahami oleh semua orang yang memahami peraturan sesuatu sistem lambang itu.

Dalam teater, semiotik cukup bererti dengan tulisan Keir Elaim, *The Semiotics of Theatre and Drama* (1980). Penulis telah membina teori semiotiknya untuk mendekati drama yang menurutnya sama banyak unsur-unsur tanda dalam drama dengan puisi. Teori semiotik drama kemudiannya dikembangkan oleh Patrice Pavis (1987), yang akhirnya memunculkan teks-teks drama semiotik. Drama surealisme yang telah memasuki gerbang aliran kedua di Eropah menggunakan teori mereka. Pada dekad 1990-an ini, kajian Susan Melrose *A Semiotics of the Dramatic Text* (1994), telah mempengaruhi kerja kritikan dan penulisan drama semiotik. Teks-teks intertekstual, parodi,

dan revisionisme yang cukup popular dan hebat di Eropah kini menggunakan pendekatan teorinya.

Sewaktu membahaskan *theatre and language*, Susan Melrose memodifikasikan teknik huraian secara Eco. Eco berpendapat bahawa tanda-tanda dalam drama sangat dekat dengan jiwa dan budaya sesuatu bangsa kerana persembahannya juga bersifat langsung. Walau bagaimanapun, harus dibezakan antara *drama as narrative text* dengan *theoretical performance*. Semiosis atau semiotik dalam teks drama mungkin tidak mengalami perubahan yang besar, tetapi apabila sesebuah skrip itu dipentaskan ia akan membina tanda-tanda sama ada simbol, alegori, dan lain-lainnya yang bersifat baru. Teks membawa estetika makna melalui bahasanya – drama *language* – pementasan ditunjukkan melalui konsep *proprium*. Sambil mencadangkan supaya dramatis melalui skrip semiotik dan melakukan persembahan semiotik, Eco menegaskan pekerjaan demikian selamanya akan dihormati kerana ia terus hidup dalam kalangan khalayak, seperti pekerjaan Shakespeare dan Beckett.

SEMIOTIK PASCAMODEN

Seperti yang dinyatakan pada pendahuluannya, kita telah memasuki era pascamoden dan semiotik Saussure yang sudah berusia satu abad itu menjadi salah satu pencetusnya. Kaedah semiotik di zaman strukturalisme dan pascastrukturalisme telah berubah apabila memasuki zaman pascamodenisme, yang berisi teks-teks polivalensik, intertekstual, parodi, metafiksiyen, metahistoriografik, ironik, dan yang lebih tebal pertandaannya dengan teks-teks pastis, kits, lotta, dan sebagainya. Seni pascamoden dan bahasanya dikatakan bersifat terlalu irasional, antimetodologis, antiestetika, tidak antagonistik malah pluralistik dan globalistik sifatnya, tetapi dikatakan ia berwajah dinamis dan rekonstruktif. Tokoh-tokoh seperti Derrida, Foucault, Baudrillard dan Kristeva sedar akan kelemahan pendekatan semiotik dalam menangani dan memakna penanda-penanda yang lebih banyak, berselerak dan paradoks dalam teks-teks pascamoden (Yasraf Amir Piliang, 1998:296–297).

Tokoh pascamodenis itu mencadangkan pentafsiran makna-makna semiotik haruslah menggunakan kaedah pragmatik iaitu menyusur makna pada tahap produksi dan konsumsi tanda-tanda. Ini selari dengan dunia yang mementingkan konsumerisme dan pluralisme. Foucault mencadangkan bahawa tanda-tanda harus dihuraikan dalam konsep yang begitu banyak dibicarakannya, iaitu *discourse* atau wacana (1980). Justeru

bahasa ialah wacana, tempat semua praktikal sosial, maka bahasa juga dapat dianggap sebagai tempat membentuk individu-individu dalam sistem sosial. Maka pemaknaan tanda-tanda harus merujuk kepada situasi itu dan menggalakkan pertukaran makna sesuai dengan sifat pluralisme dalam pascamoden. Makna atau petanda yang sering berubah dan berbeza-beza yang ada pada teori semiotik haruslah diperkukuhkan atau disesuaikan supaya tepat dan stabil. Richard Halland menyatakan polimakna atau polisignifikasi yang menjadi pegangan semiotik sebenarnya melemahkan kepercayaan orang apatah lagi apabila berhadapan dengan teks pascamoden, ia harus berkemampuan mendapatkan petanda yang jitu dan bersatu (1987). Dalam zaman pascamoden ini, tanda begitu mudah digunakan. Mengikut Baudrillard (1981) timbul semacam permainan tanda-tanda. Kelihatan juga yang dipentingkan penandanya, bukan petandanya, makna semacam sudah mati di zaman ini.

Apa pun yang dikatakan oleh pemikir pascamodenis, pada keseluruhannya mereka tetap bersetuju betapa penting teori semiotik dalam memahami bahasa yang kaya tanda pada zaman pascamoden itu. Meski semiotik seharusnya membuka ruang untuk mengguguli dirinya dalam konteks berhadapan dengan zaman, tidak ada siapa pun yang tidak berasakan pentingnya teori ini untuk pemahaman.

KESIMPULAN

Teori semiotik sesungguhnya telah membuka era baru dalam kajian bahasa dan sastera, juga penjana utama kelahiran pascamodenisme. Teori ini terbukti dapat membantu menyelesaikan makna-makna tanda dalam penulisan. Dengan mempunyai konsep, prinsip, dan kaedah yang jelas dan bercontoh, cepatlah semiotik mempengaruhi dan menarik minat sebahagian besar penulis, pengkaji, penyelidik, dan pengkritik bahasa dan sastera. Semiotik tidak sahaja tetap berdiri sebagai sebuah teori yang mantap pada zaman pascamoden ini, malah pengaruhnya sangat besar dalam menghasilkan karya bahasa terutamanya sastera. Misalnya Umberto Eco, yang pada asalnya seorang peminat sastera popular, telah berhasil mencipta pendekatan semiotik, berjaya pula menghasilkan karya novel seperti *The Name of the Rose* (1983), *Foucault's Pendulum* (1989), dan *The Island of the Day Before* (1995), setelah mempelajari semiotik. Novel terakhirnya dianggap sebagai teks pascamoden.

Dewasa ini semiotik telah digenrekan pada teks-teks sastera, lahir novel,

cerpen, dan novel semiotik. Genre teks semiotik di samping teks-teks pascamodenisme yang lain seperti pastis, kits, lotta dan realisme magis, metafiksiyen dan historiografik baru menjadi medan pengkaryaan dan persasteraan dunia. Di Malaysia pengkaryaan dan persasteraan juga sedang dan telah bergerak ke arah itu. Teori semiotik sungguhlah bermakna, fungsional dan signifikan, justeru keseluruhan teks tersebut menjana tanda-tanda.

Dalam disiplin linguistik juga, semiotik digunakan untuk mencari makna-makna dalam penulisan dan retorik. Sebagai contoh teori relevan oleh Sperber dan Wilson, dan teori sintagmatik yang dikemukakan oleh Harland (1993), menggunakan skema dan mekanisme semiotik dalam memberi makna. Teori relevan dapat menyelesaikan persoalan-persoalan yang timbul dalam kekaburan makna dan mampu mengatasi aspek-aspek yang berhubungan persoalan teks dengan konteks dan kesan konteks serta menjelaskan makna-makna antara penutur dengan pendengar. Teori sintagmatik pula mampu berhadapan dengan ambiguiti, keremangan dan pergandaan tanda-tanda dalam bahasa, sehingga menghasilkan makna-makna yang tepat dan jitu. Jelas Harland.... *Syntagmatic Theory furnishes alternative terms and makes the twentieth century principles look much less plausible..... Syntagmatic Theory casts a whole new light upon the relation between number of words and quantity of meaning* (1993:180–183). Yang menariknya dalam konteks Islam, Mohammed Arkoun, seorang ilmuwan Muslim terkini dalam bukunya *Kajian Kontemporer al-Quran* (1998) telah menggunakan teori semiotik dalam memberi makna ayat-ayat suci al-Quran, analisisnya terhadap surah-surah Lazim lainnya, ternyata sangat bermakna kerana dapat mencungkil rahsia-rahsia dalam ayat-ayat tersebut dan berperanan untuk mengijazkan al-Quran dan mengukuhkan akidah.

Begitulah semiotik telah membina dirinya menjadi sebuah teori yang kukuh, meski datang dan pergi pelbagai teori, semiotik tetap teguh dan fungsional. Apatah lagi pada zaman pascamoden dan akan memasuki hipermoden yang segala-galanya ghairah menggunakan tanda, semiotik akan terus digunakan dan memperpanjangkan hayatnya.

BIBLIOGRAFI

- Appignanesi, Richard dan Garratt, Chris, 1999, (terj. Ziauddin Sardar dan Patrick Curry) *Mengenal Postmodernisme*, Bandung: Mizan.
 Barthes, Roland, 1967. *Elements of Semiology*, London: Jobatha Cape.

- Barthes, Roland, 1989. *The Rustle of Language*, California: University of California Press.
- Baudrillard, Jean, 1981. *For a Critique of the Political Economy of the Sign*, New York: Toles Press.
- Bondanella, P. 1997. *Umberto Eco and the Open Text*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Cash, Ellis dan Rojek, Chris. 1999. *Cultural Theorists*, New York: Arnold.
- Culler, Jonathan, 1975. *Structuralist Poetics*, Ithaca: Cornell University.
- Culler, Jonathan, 1976. *Saussure*, London: Blackwell.
- Eco, Umberto, 1976. *A Theory of Semiotics*, Bloomington: Indiana University Press.
- Eco, Umberto, 1984. *Semiotics and the Philosophy of Language*. New York: The MacMillan.
- Fokkema, D.W. 1978. *Theories of Literature in the Twentieth Century*, London C. Hurst dan Corporation.
- Foucault, Michael, 1980. *Power/Knowledge*, London: The Harvester Press
- Gadet, Francoise, 1989. *Saussure and Contemporary Culture*, London: Blackwell.
- Halliday, M.A.K. – Ruqaiya Hassan, 1995. *Bahasa, Konteks dan Teks: Aspek-aspek Bahasa dalam Pandangan Semiotik Sosial*, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Harland, Richard, 1987. *Superstructuralism, The Philosophy of Structuralism and Post-Structuralism*, London: Methuen.
- Harland, Richard, 1993. *Beyond Superstructuralism*, New York: Routledge.
- Hervey, S. 1982. *Semiotic Perspectives*, London: George Allan & Unwin.
- Holdcroft, D. 1991. *Saussure, Signs, System and Arbitrariness*, Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Keir. Elaim, 1980. *The Semiotics of Theatre and Drama*, London: Methuen.
- Kris Budiman, 1999. *Kosa Semiotika*, Yogyakarta: LKIS.
- Kristeva. Julia, 1990. *Desire in Language: A Semiotic Approach of Literature and Art*. London: Blackwell.
- Lechte, John, 1994. *Fifty Key Contemporary Thinkers: From Structuralism to Postmodernism*, London: Routledge.
- Mana Sikana, 1990. *Pendekatan Kesusasteraan Moden: Strukturalisme, Semiotik, Resepsi, Stilistik, Psikoanalisis dan Intertekstualiti*, Bangi: Penerbit Karyawan.
- Mana Sikana, 1998. *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*, Shah Alam: Fajar Bakti.
- Melrose, Susan, 1994. *A Semiotics of the Drama Texts*, London: Macmillan.
- Mohammed Arkoun, 1998. *Kajian Kontemporer al-Quran*, Bandung: Penerbit Pustaka.
- Morris, Charles, 1972. *Foundation of the Theory of Signs*, Chicago: The University of Chicago Press.
- Payne, Michael, 1993. *Reading Theory: An Introduction to Lacan, Derrida and*

- Kristeva*, Oxford: Blackwell.
- Pavis, Patrice, 1987. *Problem of Translation for the Stage*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Riffaterre, Michael, 1978. *Semiotics of Poetry*, Bloomington: Indiana University Press.
- Saussure, Ferdinand de, 1983. *Course in General Linguistics*, London: Fontana.
- Travers, Martin, 1998. *An Introduction to Moderns European Literature: From Romanticism to Postmodernisme*, New York: St. Martin's Press.
- Wong Soak Koon, 1987. "Semiotik dan Sastera" *Dewan Sastera*, Disember, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wolfrey, Julian, (ed.), 1999. *Literary Theories*, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Yasraf Amir Piliang, 1998. *Sebuah Dunia yang Dilipat*, Bandung: Penerbit Mizan.